

20/09/1998

Sokong lantik Najib, Abdullah

SHAH ALAM: Menteri Besar Datuk Abu Hassan Omar berkata, pelantikan dua daripada tiga Naib Presiden Umno, Datuk Najib Tun Razak dan Datuk Abdullah Ahmad Badawi sebagai Pengerusi Bersama Jawatankuasa Disiplin Umno sebagai tepat.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, berkata keputusan presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melantik mereka sebagai pengerusi bersama itu adalah bijak.

"Pelantikan Najib dan Abdullah sebagai Pengerusi Bersama Jawatankuasa Disiplin Umno tepat kerana mereka adalah naib presiden.

"Kini mereka bertanggungjawab dalam menangani soal disiplin ahli parti selepas jawatan itu dikosongkan berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai ahli Umno, sekali gus timbalan presiden parti," katanya.

Abu Hassan berkata, Badan Perhubungan Umno Selangor berharap dengan pelantikan itu, mereka dapat menjalankan tugas dengan baik.

"Badan Perhubungan Umno Selangor akan memberi kerjasama dalam apa jua masalah untuk kebaikan ahli dan parti," katanya.

(END)